

17 OCT 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

DR MAHATHIR AKAN BENTANGKAN BELANJAWAN 2002 JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, akan membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen pada 19 Okt ini pukul 4 petang.

Pembentangan belanjawan itu akan disiarkan secara langsung oleh RTM, TV3 dan NTV, demikian menurut Kementerian Kewangan dalam stau kenyataan di sini hari ini.

Ucapan pembentangan itu juga boleh diikuti secara langsung di homepej Perbendaharaan di <http://www.treasury.gov.my>.

Salinan ucapan Belanjawan 2002 itu akan diedarkan kepada orang ramai selepas pukul 5 petang di tingkat bawah Bangunan Perbendaharaan di Blok 9, Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Salinan Laporan Ekonomi 2001/2002 juga akan dijual kepada orang ramai mulai pukul 5 petang pada tempat yang sama dengan harga RM60.00 satu salinan.

Menurut Kementerian itu, salinan Laporan Ekonomi itu juga boleh diperolehi di Percetakan Nasional Bhd, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.

Maklumat mengenai jualan Laporan Ekonomi 2001/2002 itu boleh didapati dengan menghubungi Percetakan Nasional Malaysia Bhd melalui talian no:

03-92212022. -- BERNAMA

MR FR NHD